

→ BISNES

Fintech ubah perbelanjaan teknologi

→ Perbankan Islam perlu lebih aktif guna pakai perkomputeran generasi baharu

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

Gangguan teknologi kewangan (fintech) adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Ia telah merubah cara bank berbelanja ke atas teknologi untuk diselaraskan transformasi perniagaan masing-masing.

Pengarah Urusan Bahagian Perbankan Islam/Penyelesaian Sektor Awam Silverlake, Othman Abdullah, berkata seperti perbankan konvensional, bank Islam juga tiada pilihan tetapi harus mengguna pakai perkomputeran generasi berikutnya dan memanfaatkan teknologi digital generasi baharu ini.

Beliau berkata, bagaimanapun perbankan Islam masih mencatat penembusan rendah dalam perbankan mudah alih berbanding perbankan konvensional dan usaha digitalisasi da-

lam segmen itu perlu dipercepatkan.

“Tidak banyak yang kita dengar berhubung agenda fintech perbankan Islam melainkan Platform Akaun Pelaburan (IAP) yang dilancarkan konsortium bank-bank Islam Malaysia Februari lalu, yang disifatkan sebagai platform fintech pertama bagi perbankan Islam.

Masih perlahan

“Sektor perbankan Islam belum, dalam erti kata sebenarnya, menyertai aliran fintech. Sektor perbankan Islam secara relatifnya masih perlahan dalam beralih kepada pendigitalan,” katanya dalam satu temu bual dengan *Berita Harian* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah dan Pengasas Bersama Ata Plus Sdn Bhd, Kyri Andreou dan Elaine Lockman.

Silverlake adalah syarikat penyelesaian teknologi maklumat (IT), manakala Plus adalah penyedia platform ‘equity crowdfunding’ (ECF) atau pendanaan ekuiti ramai di Malaysia.

ECF merujuk kepada amalan membiayai projek atau usaha niaga dengan menjana dana yang kecil nilainya tetapi secara banyak daripada ramai pelabur, kebiasaannya menerusi Internet.

Malaysia adalah negara pertama di rantau ASEAN yang mempunyai kerangka berlandaskan



“Tidak banyak yang kita dengar berhubung agenda fintech perbankan Islam melainkan Platform Akaun Pelaburan (IAP) yang dilancarkan konsortium bank-bank Islam Malaysia Februari lalu, yang disifatkan sebagai platform fintech pertama bagi perbankan Islam”

Othman Abdullah,
Pengarah Urusan Bahagian
Perbankan Islam/Penyelesaian
Sektor Awam Silverlake

undang-undang bagi pendanaan masyarakat/ ECF untuk mengawal dan melindungi kepentingan pelabur dan syarikat. Malaysia masih lagi baharu dalam ECF dan tahun lalu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) meluluskan enam syarikat yang menyediakan platform terabit.

Sungguhpun perlahan, Othman menegaskan kerajaan, menerusi SC dan Bank Negara Malaysia (BNM) sudah mengambil pelbagai langkah proaktif.

Beliau berkata, garis panduan SC dan BNM berhubung ECF dan Fintech umpamanya, adalah permulaan yang baik bagi pembangunan fintech di negara ini, yang mana ia meletakkan asas penting bagi membolehkan usahawan memulakan perniagaan berasaskan fintech di negara ini.

Preskriptif halang kreativiti

Bagaimanapun, katanya berikutan fintech adalah berkaitan inovasi, garis panduan tidak seharusnya terlalu terperinci. Kerangka atau garis panduan yang terlalu preskriptif akan menghalang kreativiti.

Sementara itu, Andreou berpandangan Malaysia memposisikannya dengan baik untuk menerajui arah aliran Fintech berdasarkan syariah.

Sebagai satu daripada empat pusat kewangan Islam terbesar global, Malaysia berada di kedu-

dukan terbaik untuk meraih manfaat daripada peluang yang ditawarkan fintech patuh syariah, susulan industri kewangan Islamnya yang cukup bertenaga susulan sokongan padu kerajaan dan badan kawal selia.

Beliau berkata, perbankan Islam dan pembiayaan Islam dijangka meraih manfaat besar daripada fintech dan teknologi rantaian blok yang akan membantu memudahkan transaksi yang membabitkan struktur yang kompleks.

Fintech katanya, boleh membantu pelanggan membuat perancangan pembiayaan dengan bantuan peralatan teknologi bagi membolehkan mereka meramal dan merancang ke depan.

Menurut Elaine pula, terdapat beberapa faktor yang memacu pertumbuhan platform fintech.

Antaranya, kehendak pelanggan kepada penyelesaian perkhidmatan kewangan yang lebih inovatif dan kos efektif; revolusi digital dalam perkhidmatan kewangan; sokongan pembiayaan daripada modal teroka (VC) dan korporat; dan sokongan lain seperti program inkubasi.

Artikel ini dikeluarkan bersempena Anugerah Diraja Kewangan Islam Malaysia 2016 anjuran BMM dan SC.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.theroyalaward.com.